



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN,
BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2584800

Fax : 03-2535722

Tarikh : 16 Oktober 2001

PEKELILING MAJIKAN BIL.17/2001

PENGURANGAN KADAR BAYARAN LEVI

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai pengurangan kadar bayaran levi Pembangunan Sumber Manusia daripada 1% kepada 0.5% untuk tempoh satu tahun berkuatkuasa mulai 1 November 2001.

2. KADAR DAN MAJIKAN YANG LAYAK MENIKMATI PENGURANGAN BAYARAN LEVI

2.1 Pihak kerajaan amat prihatin terhadap masalah kewangan yang dihadapi oleh majikan kesan daripada kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa kini. Justeru, Y.B Menteri Sumber Manusia dengan kuasa di bawah seksyen 14(2), Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 telah memutuskan untuk mengurangkan kadar bayaran levi sebanyak 50% iaitu daripada 1% daripada upah bulanan pekerja yang dibayar sekarang kepada 0.5%. Majikan-majikan yang layak untuk menikmati pengurangan ini ialah tiga kategori majikan yang berdaftar dengan PSMB seperti berikut:-

SEKTOR PERKILANGAN

(i) Majikan yang mempunyai 50 pekerja atau lebih;

(ii) Majikan yang mempunyai 10 orang pekerja atau lebih tetapi kurang dari 50 orang dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke atas; dan

SEKTOR PERKHIDMATAN

(iii) Majikan yang mempunyai 10 orang pekerja atau lebih

3. MAJIKAN YANG TIDAK LAYAK MENIKMATI PENGURANGAN KADAR BAYARAN LEVI

3.1 Majikan yang tidak layak untuk menikmati pengurangan bayaran levi ialah majikan yang berdaftar di bawah kategori keempat iaitu majikan yang mempunyai di antara 10 orang hingga 49 orang pekerja dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta. Ini adalah mereka telah pun membayar levi ini pada kadar 0.5% sebelum ini.

4. **TEMPOH PENGURANGAN**

4.1 Tempoh pengurangan bayaran levi ini adalah selama satu tahun iaitu mulai 1 November 2001 hingga 31 oktober 2002. Dalam erti kata lain, pengurangan bayaran levi ini adalah bagi bulan-bulan seperti berikut :-

Bulan Pengurangan	Tarikh Akhir Bayaran (tempoh ditetapkan) yang
November 2001	31 Disember 2001
Disember 2001	31 Januari 2002
Januari	28 Februari 2002
Februari 2002	31 Mac 2002
Mac 2002	30 April 2002
April 2002	31 Mei 2002
Mei 2002	30 Jun 2002
Jun 2002	31 Julai 2002
Julai 2002	31 Ogos 2002
Ogos 2002	30 September 2002
September 2002	31 Oktober 2002
Oktober 2002	30 November 2002

5. **PENGENAAN FAEDAH**

5.1 Majikan adalah diminta mengambil maklum bahawa walaupun mereka membayar levi pada kadar 0.5% dari bulan November 2001 hingga Oktober 2002 tetapi mereka tetap akan dikenakan faedah pada kadar 10% setahun dikira mengikut bilangan hari kelewatan sekiranya tidak membayar levi berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

6. **PENUTUP**

6.1 Bagi bulan-bulan selain daripada bulan November 2001 hingga Oktober 2002 yang telah menjadi tertunggak, majikan wajib untuk terus membayar tunggakan levi pada kadar 1% dan mereka juga tetap akan dikenakan faedah seperti yang ditetapkan mengikut Akta.

6.2 Walaupun menikmati pengurangan bayaran levi, majikan adalah digalakkan untuk terus aktif menjalankan aktiviti latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja dan menggunakan sepenuhnya baki levi yang sedia ada.

6.3 sekiranya majikan menghadapi sebarang masalah, pegawai PSMB yang boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan lanjut ialah:-

(i) Suzeiliana binti Mohd. Arshad
(nombor telefon : 03-2584835)

(ii) Jasiah binti Shariff
(nombor telefon : 03-2584898)

(iii) Yasmin Ashikin binti Yahya
(nombor telefon : 03-2584862)

(iv) Zarina binti Mohd Teh

(nombor telefon : 03-2584862)

(v) Junaidah binti Zainon
(nombor telefon : 03-2584898) dan

(vi) Wan Samsu Isam bin Othman @ Wan Stafa
(nombor telefon : 03-2584862)

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)
Pengarah Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad